



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاِخْوَالِ الْاِكَامِلِ الْاِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

18 RABIULAKHIR 1447H / 10 OKTOBER 2025M

“MADAH BERHELAH”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

... فَأَجْتَنِبُوا الرِّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ وَاجْتَنِبُوا قَوْلَ الزُّورِ ﴿٣٠﴾ (الحج: 30)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan mengingatkan semua jemaah agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua dikurniakan ganjaran pahala serta keluasaan rezeki dan nikmat sama ada di dunia mahu pun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk **“MADAH BERHELAH”**.

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

“Madah Berhelah” adalah suatu ungkapan berasal daripada dua perkataan: Madah bermaksud kata-kata indah, puisi, ucapan yang bermakna atau bernas. Berhelah bermaksud bermuslihat, menggunakan alasan atau tipu daya untuk mencapai sesuatu tujuan. Jadi, apabila dihimpun kedua-dua perkataan ini maka merujuk kepada ucapan yang manis atau puitis tetapi digunakan untuk menyembunyikan niat sebenar atau memperdaya manusia dengan pendustaan

demi kepentingan diri. Agama Islam melarang umatnya dari melakukan perkara-perkara yang membawa kepada dusta dan pembohongan. Perbuatan berdusta adalah termasuk di antara himpunan dosa-dosa besar. Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 30 yang dibacakan pada permulaan khutbah tadi:

Maksudnya: *“..... Maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta.”*

Berdasarkan ayat di atas, perbuatan berdusta diselarikan dengan kedudukan dan sebutannya dengan penyembahan berhala. Oleh itu, perbuatan kedua-duanya dianggap serupa dari sudut perbuatan dosa-dosa besar yang amat dilarang oleh Islam.

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Allah SWT memerintahkan hamba-hamba-Nya untuk menjauhi perbuatan yang menjurus ke arah kedustaan, kebatilan dan kesaksian palsu. Hal ini kerana, perbuatan itu termasuk dalam perintah larangan keras terhadap ucapan-ucapan yang dusta. Oleh itu, terdapat dua takrifan bagi makna berdusta;

Pertama: Imam al-Nawawi berkata: *“Berdusta adalah mengatakan sesuatu yang berbeza dengan keadaan sebenarnya, sama ada dengan sengaja atau tidak, dan sama ada perkhabaran itu yang telah berlalu ataupun yang akan datang”.*

Kedua: Imam Ibn Hajar berkata: *“Berdusta adalah memberitahukan sesuatu perkara yang bercanggah dengan keadaan sebenarnya, sama ada dengan sengaja ataupun tersilap”.*

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Antara akhlak mulia yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW adalah berkata benar dan bersikap jujur dalam setiap pertuturan. Rasulullah SAW juga melarang umatnya dari melakukan perbuatan menipu dan berkata bohong.

Berapa ramai manusia yang terjerumus ke dalam kebinasaan dan dosa, hanya disebabkan oleh lisan yang tidak dipelihara dengan baik. Ada yang suka berbohong, mengumpat, memfitnah dan menyakiti hati orang lain dengan kata-kata yang dusta lagi kotor. Maka dengan itu, beringatlah dengan sabda Rasulullah SAW ini. Dari Abu Hurairah, dari Nabi SAW, baginda bersabda,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مِنْ رِضْوَانِ اللَّهِ تَعَالَى مَا يُلْقِي لَهَا بَالًا يَرْفَعُهُ اللَّهُ بِهَا دَرَجَاتٍ، وَإِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مِنْ سَخَطِ اللَّهِ تَعَالَى لَا يُلْقِي لَهَا بَالًا يَهْوِي بِهَا فِي جَهَنَّمَ " رواه البخاري

Maksudnya: *"Dari Abu Hurairah, dari Nabi SAW, beliau bersabda, "Sungguh seorang hamba berbicara dengan satu perkataan yang mengundang keredaan Allah SWT namun dia tidak menganggapnya penting; tetapi dengan perkataan itu Allah menaikkannya beberapa darjat. Dan sungguh seorang hamba berbicara dengan satu perkataan yang mengundang kemurkaan Allah SWT, namun dia tidak menganggapnya penting; tetapi dengan perkataan itu dia terjungkal ke dalam neraka jahanam."* (HR Bukhari)

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Lisan adalah anugerah yang dikurniakan Allah SWT yang boleh menjadi sebab seseorang itu diangkat darjatnya di sisi Allah atau ia juga boleh menjadi punca seseorang itu dihumban ke dalam neraka. Dalam erti kata lain, ramai orang sering meremehkan kata-kata atau mengungkapkan perkataan yang dianggap sekadar gurauan, tanpa menyedari bahawa setiap apa sahaja yang keluar dari lisan anak Adam itu kelak akan dipertanggungjawabkan di akhirat.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 70:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang benar - benar (dalam segala perkara).”*

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,

Jauhilah perbuatan berdusta dan berbohong tanpa sesuatu alasan yang dibenarkan oleh Islam. Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, terdapat beberapa perkara penting yang boleh diambil pengajaran supaya kita menjadi hamba Allah yang bertakwa dan terhindar dari sikap suka berdusta:

Pertama: Salah satu tanda orang munafik itu adalah jika dia berbicara maka dia berdusta.

Kedua: Ucapkanlah perkataan yang baik-baik ketika berkomunikasi dengan sesiapaupun kerana ia adalah salah satu sifat dari akhlak yang terpuji.

Ketiga: Tinggalkan sikap dan perbuatan suka berbohong, kerana ia adalah salah satu sifat daripada perbuatan syaitan yang menghasut manusia untuk berbuat jahat dan berdosa.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 3:

وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ^ص فَلْيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلْيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya: *“Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ
وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَحَّامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ
بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka. Ya Allah, Tuhan Yang Maha Perkasa lagi Maha Penyayang, lindungilah rakyat Malaysia dan semua sukarelawan yang berjuang menghantar bantuan kepada rakyat Palestin. Selamatkan dan permudahkan lah segala urusan mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.